

## **PENYELIDIKAN RETORIK DAKWAH DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR BERSISTEMATIK (SLR)**

### **RESEARCH ON RHETORIC DA'WAH IN MALAYSIA: SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW (SLR)**

Muhammad Hariri Ali Imran<sup>1</sup>, Nasihah Hashim<sup>2</sup>, Maizatul Azura Yahya<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pelajar PhD, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, m\_hariri\_ali@ahsgs.uum.edu.my

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, h.nasihah@uum.edu.my

<sup>3</sup>Profesor Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, maizatul@uum.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembetulan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

#### **Abstrak**

Keterampilan berucap merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan komunikasi dakwah kepada masyarakat. Penyampaian dakwah yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada penguasaan ilmu agama, malah turut dipengaruhi oleh keupayaan pendakwah menggunakan strategi bahasa dan retorik secara terancang bagi mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan khalayak. Seiring dengan perkembangan media digital dan perubahan landskap komunikasi semasa, kajian berkaitan retorik dakwah semakin berkembang dalam pelbagai konteks penyelidikan. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap trend dan perkembangan kajian retorik dakwah di Malaysia masih bersifat terpisah serta belum dihipunkan secara sistematik. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan mensintesis trend penyelidikan retorik dakwah di Malaysia berdasarkan aspek metodologi, sumber data, teori dan dapatan utama kajian lepas. Kajian ini menggunakan pendekatan Sorotan Literatur Bersistematik (Systematic Literature Review, SLR) berpandukan protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). Pencarian data dijalankan menerusi pangkalan data Scopus dan Google Scholar menggunakan kata kunci seperti retorik, *rhetoric*, dakwah, ceramah agama, khutbah, al-Quran, hadis, *preaching*, *religious talk*, *sermon*, *hadith* dan Malaysia. Sebanyak 13 kajian terpilih yang diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal, prosiding, tesis dan bab buku antara tahun 2018 hingga 2025 telah dianalisis secara sistematik. Hasil kajian mendapati bahawa penyelidikan retorik dakwah di Malaysia masih didominasi oleh pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dan

tekstual. Dari segi sumber data, ceramah agama khususnya menerusi platform *Youtube* menjadi sumber utama yang paling banyak digunakan dalam kajian lepas. Selain itu, Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) merupakan kerangka teori yang paling dominan diaplikasikan oleh pengkaji terdahulu. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik memainkan peranan penting sebagai medium pemujukan dalam dakwah bagi mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan khalayak selaras dengan tuntutan syariat Islam.

**Kata kunci:** Retorik, dakwah, Islam, komunikasi berkesan, meta analisis.

### **Abstract**

Speaking proficiency is an essential element in ensuring the effectiveness of da'wah communication within society. Effective da'wah delivery depends not only on religious knowledge but also on the preacher's ability to strategically employ rhetorical and linguistic approaches to influence the audience's thoughts, emotions and actions. In line with the rapid development of digital media and contemporary communication landscapes, studies on da'wah rhetoric have increasingly expanded across various research contexts. Nevertheless, investigations concerning the trends and development of da'wah rhetoric studies in Malaysia remain fragmented and have yet to be systematically synthesised. Therefore, this study aims to identify and synthesise the research trends of da'wah rhetoric studies in Malaysia based on methodology, data sources, theoretical frameworks and major findings from previous studies. This study employed a Systematic Literature Review (SLR) approach guided by the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) protocol. Data were collected from Scopus and Google Scholar databases using keywords such as rhetoric, dakwah, preaching, religious talk, sermon, hadith, al-Quran and Malaysia. A total of 13 selected studies published between 2018 and 2025 in the form of journal articles, proceedings, theses and book chapters were systematically analysed. The findings reveal that da'wah rhetoric research in Malaysia is still predominantly dominated by qualitative approaches that emphasise descriptive and textual analysis. In terms of data sources, religious lectures, particularly through the Youtube platform, emerged as the most frequently utilised source in previous studies. Furthermore, the Modern Rhetoric Theory by Enos and Brown (1993) was identified as the most dominant theoretical framework applied by earlier researchers. Overall, the findings indicate that rhetoric functions as an important persuasive medium in da'wah communication to influence the audience's thoughts, emotions and actions in accordance with Islamic teachings.

**Keywords:** *Rhetoric, preaching/da'wah, Islam, effective communication, meta analysis.*

## 1.0 Pengenalan

Dakwah merujuk kepada usaha menyeru, mengajak dan mempengaruhi masyarakat agar menerima serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Dalam konteks komunikasi Islam, dakwah bukan sekadar penyampaian ilmu agama, malah melibatkan proses pemujukan, pembentukan kesedaran dan perubahan tingkah laku khalayak selaras dengan tuntutan syariat. Oleh itu, keberkesanan dakwah amat bergantung kepada keupayaan pendakwah menggunakan bahasa dan strategi komunikasi yang sesuai dengan latar sosial, emosi dan pemikiran masyarakat. Menurut Suriani Ismail dan Ahmad Sabri Osmani (2024), perubahan landskap masyarakat moden menyebabkan pendekatan dakwah perlu berkembang secara lebih strategik agar mesej yang disampaikan dapat diterima dengan lebih berkesan oleh khalayak pelbagai generasi.

Dalam konteks tersebut, retorik dilihat sebagai salah satu elemen utama dalam membentuk komunikasi dakwah yang berkesan. Retorik merujuk kepada seni penggunaan bahasa secara strategik untuk mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan khalayak sasaran. Menurut Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2020), retorik yang berkesan mampu menjadikan sesuatu penyampaian lebih tersusun, meyakinkan dan mudah diterima oleh masyarakat. Peranan retorik dalam dakwah juga dapat dilihat melalui penggunaan hujah, penceritaan, emosi, gaya bahasa dan unsur pemujukan bagi meningkatkan kefahaman serta penerimaan khalayak terhadap mesej agama yang disampaikan.

Walaupun bagaimanapun, istilah retorik dalam konteks masyarakat di Malaysia sering diberikan konotasi negatif seperti cakap kosong, manipulasi bahasa dan pujukan yang tidak berasas (Amida Abdulhamid, 2015). Persepsi sedemikian menyebabkan retorik sering disalah tafsir sebagai bentuk komunikasi yang bersifat memperdaya semata-mata. Sedangkan dalam konteks akademik dan komunikasi dakwah, retorik merujuk kepada penggunaan bahasa yang disokong oleh hujah, bukti dan strategi komunikasi yang tersusun bagi mempengaruhi khalayak secara beretika dan berasas. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2007) menjelaskan bahawa retorik hanya akan dilihat negatif apabila digunakan untuk kepentingan tertentu tanpa berlandaskan nilai kebenaran dan etika komunikasi.

Perkembangan teknologi komunikasi dan media digital pada masa kini turut mengubah landskap dakwah secara signifikan. Dakwah tidak lagi terbatas kepada khutbah, kuliah atau ceramah secara bersemuka, malah berkembang menerusi platform media sosial seperti *Youtube*, *Facebook*, *TikTok* dan *podcast*. Situasi ini secara tidak langsung telah membuka ruang yang lebih luas terhadap penerokaan kajian retorik dakwah dalam konteks media digital dan komunikasi kontemporari. Kajian oleh Malik et al. (2023), Mahabi (2023) dan Hamdani et al. (2022) misalnya menunjukkan bahawa strategi retorik pendakwah dalam media digital berperanan penting dalam mempengaruhi penerimaan dan penglibatan audiens secara dalam talian.

Walaupun kajian berkaitan retorik dakwah semakin berkembang sama ada dalam dan luar negara, penelitian terhadap trend penyelidikan retorik dakwah di Malaysia masih bersifat terpisah dan belum dihipunkan secara sistematik. Kebanyakan

kajian terdahulu hanya menumpukan kepada analisis terhadap teks atau tokoh tertentu tanpa meneliti secara menyeluruh perkembangan metodologi, sumber data, kerangka teori dan kecenderungan dapatan kajian dalam bidang tersebut. Selain itu, belum terdapat penelitian yang mensintesis secara sistematik pola penyelidikan retorik dakwah di Malaysia bagi mengenal pasti kekuatan, jurang dan hala tuju penyelidikan masa hadapan.

Kelompangan ini menunjukkan bahawa bidang retorik dakwah di Malaysia masih memerlukan satu penelitian literatur yang lebih sistematik dan menyeluruh bagi memetakan perkembangan semasa bidang tersebut. Tambahan pula, perkembangan komunikasi digital dan perubahan corak penerimaan masyarakat terhadap kandungan dakwah memerlukan penelitian yang lebih kritis terhadap kecenderungan kajian retorik dakwah masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan Sorotan Literatur Bersistematik (SLR) bagi mengenal pasti dan mensintesis trend kajian retorik dakwah di Malaysia berdasarkan metodologi, sumber data, teori dan dapatan utama kajian lepas. Persoalan kajian yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

1. Apakah metodologi yang digunakan dalam kajian retorik dakwah di Malaysia
2. Apakah sumber data yang digunakan dalam kajian retorik dakwah di Malaysia
3. Apakah jenis teori yang digunakan dalam kajian retorik dakwah di Malaysia
4. Apakah dapatan utama bagi kajian retorik dakwah di Malaysia

Justeru, Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai perkembangan penyelidikan retorik dakwah di Malaysia serta membantu pengkaji masa hadapan mengenal pasti jurang dan peluang penyelidikan yang masih belum diterokai.

## 2.0 Metodologi

Tatacara pengumpulan kajian-kajian lepas dalam kajian SLR harus dipandu dengan garis panduan tertentu untuk memastikan pemilihan data yang lebih tepat, sesuai dan relevan. Sorotan ini memilih protokol *Protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)* kerana menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020) *PRISMA* sesuai untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam sorotan literatur bersistematik yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu. Protokol *PRISMA* dipilih sebagai garis panduan dalam pengumpulan artikel ini bertujuan memastikan hasil maklumat daripada kajian lepas adalah berkualiti dan bersistematik. *PRISMA* dapat mengawal pencarian artikel yang lebih berkualiti melalui 4 kriteria seperti pengenalpastian (*identification*), penerimaan dan penolakan artikel (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan penilaian artikel berkualiti (*included*). Kesemua artikel yang ditemui perlu melepasi penilaian kriteria tersebut untuk memastikan persoalan sorotan literatur bersistematik ini terjawab.

### 2.1 Pengenalpastian

Proses pengenalpastian artikel kajian lepas yang relevan dengan sorotan ini harus dimanfaatkan dengan kata kunci yang pelbagai. Penggunaan kata kunci yang sinonim, bervariasi dan berkaitan perlu dilakukan dengan teliti untuk menghasilkan pencarian artikel yang relevan (Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al., 2020). Berdasarkan pembentukan persoalan kajian, terdapat sembilan kata kunci yang digunakan seperti

retorik, *rhetoric*, dakwah, ceramah agama, khutbah, al-Quran, Hadis, *preaching*, *religious talk*, *sermon*, *hadith*, dan Malaysia seperti yang tertera dalam jadual 1.

SLR ini hanya memfokuskan kepada dua pangkalan data yang lebih terarah kepada sumber kajian di Malaysia iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. Pencarian artikel dibuat berpandukan kepada kata kunci yang telah dinyatakan menemui sebanyak (n=15793) artikel di pangkalan data *Scopus* dan (n=554000) artikel di *Google Scholar*. Carian ini hanya menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu dan Inggeris menggunakan kaedah gabungan *operator Boolean* (AND dan OR) bagi meningkatkan ketepatan carian artikel yang relevan seperti yang terpapar dalam jadual 1 di bawah.

### Jadual 1

*Hasil carian tanpa saringan*

Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah artikel
<b>Scopus</b>	(( "Retorik" OR "rhetoric" ) AND ( "Dakwah" OR "ceramic agama" OR "khutbah" OR "al-quran" OR "Hadis" OR "preaching" OR "religious talk" OR "sermon" OR "hadith" ))	15793
<b>Google Scholar</b>	(( "Retorik" OR "rhetoric" ) AND ( "Dakwah" OR "ceramic agama" OR "khutbah" OR "al-quran" OR "Hadis" OR "preaching" OR "religious talk" OR "sermon" OR "hadith" )) MALAYSIA	554000

### 2.2 Penerimaan dan Penolakan Artikel

Hasil carian artikel yang melalui kriteria pengenalpastian masih menjumlahkan bilangan artikel yang belum ditapis kualitasnya. Maka, proses penerimaan dan penolakan artikel dilakukan bagi mendapatkan jumlah artikel yang paling relevan dan menyingkirkan artikel yang tidak berkaitan. Penerimaan dan penolakan artikel mengikut kriteria yang telah ditetapkan telah dipaparkan secara ringkas dalam jadual 2 di bawah.

Kriteria seperti tempoh masa penerbitan penting untuk memastikan analisis sorotan ini bergerak selari dengan arus perkembangan kajian terkini. Selain itu, SLR ini hanya memfokuskan kepada jenis penerbitan artikel jurnal sahaja. SLR ini juga hanya membincangkan berkenaan bidang kajian retorik dalam karya orang Melayu di Malaysia, dan menumpukan perhatian terhadap artikel yang boleh diakses sahaja. Target kajian SLR ini juga hanya terhadap artikel berbahasa Melayu dan Inggeris.

Kriteria yang dinyatakan dalam jadual 2 penting untuk memastikan artikel yang dipilih adalah relevan dari segi perkaitan, kualiti dan kuantitinya dalam SLR ini. Penapisan artikel secara automatik melalui pangkalan data goole scholar melibatkan jenis penerbitan dan garis masa penerbitan. Manakala bagi pangkalan data scopus melibatkan tempoh masa penerbitan, jenis penerbitan, negara, bahasa dan akses. Tapisan berkenaan menunjukkan jumlah artikel di pangkalan data Scopus (n=51) dan Google Scholar (n=32460).

**Jadual 2**

*Kriteria penerimaan dan penolakan artikel*

<b>Kriteria</b>	<b>Penolakan</b>	<b>Penerimaan</b>
Tempoh penerbitan	2018 ke bawah	2018 hingga 2025
Jenis penerbitan	Selain artikel jurnal	Artikel jurnal
Negara	Luar Malaysia	Malaysia
Bidang	Selain retorik karya Melayu	Retorik karya Melayu
Bahasa	Selain bahasa Melayu dan Inggeris	Bahasa Melayu dan Inggeris
Akses	Tidak boleh diakses	Boleh diakses

**2.3 Kelayakan dan Penilaian Artikel Berkualiti**

Proses saringan artikel yang relevan dengan objektif kajian diteruskan menerusi kaedah secara manual bagi memastikan artikel yang diperolehi mencapai tahap kualiti yang paling memuaskan. Tapisan kajian-kajian lepas berkaitan negara, bahasa dan akses di pangkalan data google scholar dilakukan secara manual. Saringan secara manual diteruskan dengan membuat semakan dan bacaan terhadap artikel yang melepasi tahap tapisan secara automatik. Artikel yang didapati tidak mempunyai kaitan dengan kajian retorik kepimpinan di Malaysia dan tidak boleh diakses akan terus disingkirkan. Proses saringan artikel di semua pangkalan data tersebut dibuat secara menyeluruh dengan meneliti tajuk, abstrak dan kata kunci bagi setiap artikel terpilih. Artikel berkenaan akan melalui proses penilaian kualiti daripada tiga orang penyemak yang terdiri daripada ahli kumpulan penyelidik ini sendiri. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021), proses semakan artikel paling kurang harus diwakili oleh dua penyemak berdasarkan tema yang telah dipersetujui. Hasil semakan menunjukkan (n=13) artikel layak untuk disintesis secara kualitatif dalam kajian SLR ini.

**Jadual 3**

*Artikel retorik dakwah yang layak disintesis*


<b>No.</b>	<b>Penulis &amp; Tahun</b>	<b>Metodologi</b>	<b>Data</b>	<b>Teori</b>	<b>Dapatan Utama</b>
1	Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini (2021)	Kualitatif	Ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat	Retorik Aristotle Ethos, Pathos dan Logos	Pendakwah menerapkan ethos, pathos dan logos untuk mempengaruhi pemikiran dan tindakan masyarakat Islam dan bukan Islam dengan lebih berkesan.

2	Husna Hidayah Mansor et al. (2018)	Kualitatif	Ceramah agama Ustaz Kazim Elias	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Penceramah gemar menerapkan kaedah pemerian untuk menerangkan intipati dakwah kepada khalayak.
3	Nurul Hanis Mohd Nazri & Azean Idruwani Idrus (2023)	Kualitatif	Ceramah Ustaz Wadi Annuar	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Pendakwah menerapkan retorik pemerian, pemujukan, penceritaan, pendedahan dan penghujahan
4	Wan Sofiah Wan Ahmad & Zulkefli Aini (2018)	Kualitatif	Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka	Retorik al-hikmah melalui kaedah lembut (Balaghah)	Penulis menerapkan retorik dakwah al-hikmah menerusi kaedah lembut berbentuk dorongan seperti "marilah", "haruslah" dan "lebih baik" dan bentuk ganjaran seperti "moga-moga" dan "mudah-mudahan"
5	Normaizura Md Zain (2018)	Kualitatif	Ceramah agama Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniya di Youtube	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Semua penceramah menggunakan semua unsur retorik yang mencerminkan kemahiran mereka untuk menarik perhatian khalayak.

6	Wan Azura W.A & Ahmad Fazullah M.Z.A (2021)	Kualitatif	Surah An-nisa, karangan sarjana Islam dan bahan bacaan lain seperti artikel, buku dan kertas kerja.	Retorik Quranik	Unsur adab, akhlak, nilai murni dan etika pergaulan mampu dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat
7	Nur Sakinah Sabari (2018)	Kualitatif	Lagu nasyid Opick Dan Hafiz Hamidun	Balaghah / Retorik Arab	Retorik memberi kesan kepada jiwa pendengar melalui nyanyian, penghayatan lagu dan mesej yang disampaikan
8	Nor Azuwan Yaakob et al. (2018)	Kualitatif	Ceramah Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Retorik penceritaan adalah yang paling dominan digunakan oleh pendakwah terlibat
9	Normaizurah Md Zain (2018)	Kualitatif	Ceramah agama di Youtube	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Pendakwah menggunakan strategi retorik untuk menarik perhatian penonton di Youtube seramai mungkin.
10	Waemasna Waeyusoh & Muhammad Hariri Ali Imran (2025)	Kualitatif	Ceramah agama Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang di Youtube	Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Pendakwah bijak menggunakan strategi retorik bagi memastikan butiran dakwah dapat disalurkan

					secara berkesan
11	Nasihah Hashim et al. (2020)	Kualitatif	Khutbah jumaat	Retorik Persuasif oleh Hunt (1992)	Khatib menerapkan strategi persuasif untuk mengajak jemaah sama-sama mematuhi perintah agama dan pemimpin negara dalam mendepani wabak covid-19.
12	Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021)	Kualitatif	Hadis perawi: Aisyah binti Abu Bakr al-Siddiq, Abdullah bin Abbas dan Anas bin Malik	Retorik Penceritaan	Perawi hadis berkenaan banyak menerapkan retorik penceritaan menerusi kaedah dialog dan pemerian.
13	Zulhazmi Majid et al. (2025)	Kualitatif	Komunikasi Nabi Yusuf A.S dalam Al-Quran surah Yusuf	Retorik Aristotle Ethos, Pathos dan Logos	Nabi Yusuf menerapkan ethos, pathos dan logos yang seimbang dan kekal relevan sebagai komunikasi kontemporari

Proses pemilihan artikel yang diterangkan sebelum ini dipaparkan secara ringkas dalam rajah 1 di bawah untuk gambaran yang lebih jelas. Rajah 1 di bawah diadaptasi menerusi carta aliran PRISMA oleh Moher et al. (2020) berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam kajian SLR ini.



**Rajah 1: Carta Alir PRISMA**

### 3.0 Dapatan Kajian

Hasil tinjauan ini mendapati terdapat empat tema utama untuk diuraikan iaitu metodologi, sumber data, teori dan dapatan utama. Keempat-empat tema tersebut akan diuraikan berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam kesemua artikel lepas yang terpilih bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Dari segi metodologi, kajian ini akan mengenal pasti metodologi yang telah diterapkan dalam kajian lepas serta mencadangkan metodologi yang relevan dengan kajian retorik dakwah era kini. Sumber data yang digunakan dalam kajian lepas juga turut dibincangkan bagi membuka peluang yang lebih luas kepada pengkaji masa hadapan untuk memilih data yang paling sesuai untuk kajian retorik dakwah. Selain itu, kajian ini juga bukan sekadar memaparkan teori-teori yang telah dimanfaatkan dalam kajian sebelumnya, malah mencadangkan teori-teori lain yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian seterusnya. Kepelbagaian dapatan yang diperolehi juga membuka jalan baharu kepada pengkaji seterusnya untuk menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti dan menutup lompang dapatan kajian sebelum ini. Kesemua tema yang telah dibincangkan diharap mampu memberi idea dan gambaran yang jelas terhadap perkembangan kajian retorik di Malaysia khususnya dalam konteks dakwah.

### 3.1 Metodologi Kajian Retorik Dakwah Di Malaysia

Hasil analisis mendapati pengkaji lepas hanya menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian retorik dakwah di Malaysia. Belum ditemui kajian retorik dakwah di Malaysia yang memanfaatkan kaedah kuantitatif dan gabungan. Analisis ini menunjukkan bahawa kajian retorik dakwah di Malaysia masih berfokus kepada aspek deskriptif dan bukannya analisis empirikal yang berbentuk pengukuran atau statistik. Hal ini juga memaparkan jurang penyelidikan dalam bidang tersebut dari segi mengukur keberkesanan teknik atau strategi retorik secara sistematik. Situasi ini secara tidak langsung membuka ruang kepada pengkaji seterusnya untuk mengetengahkan kaedah kuantitatif atau gabungan bagi mengembangkan perspektif dan bukti empirikal secara sistematik dalam kajian retorik dakwah di Malaysia.

### 3.2 Sumber Data Terpilih dalam Kajian Retorik Dakwah di Malaysia

Kajian retorik kini berada dalam skop yang lebih luas ekoran daripada perkembangan teknologi media digital atau elektronik dalam dunia komunikasi. Perkembangan tersebut telah membuka medan perkongsian maklumat yang mencambahkan lagi kepelbagaian sumber data untuk pelbagai kajian bahasa termasuk retorik. Dapatan kajian mendapati bahawa sumber data dalam artikel terpilih tertumpu kepada pelbagai sumber data misalnya dalam bentuk platform digital, manuskrip dan lain-lain. Tinjauan ini diharap dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih kepelbagaian sumber data yang relevan untuk diteroka khususnya dalam bidang retorik dakwah di Malaysia.

#### Jadual 4

*Sumber data yang digunakan*

Sumber Data	Pengkaji	Jumlah
-------------	----------	--------

Al-Quran	Zulhazmi Majid, Azlina Kamaruddin, Joyce Cheah Lynn-Sze (2025) & Wan Azura W.A & Ahmad Fazullah M.Z.A (2021)	2
Hadis	Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021)	1
Khutbah	Nasihah Hashim et al. (2020)	1
Ceramah/Ucapan	Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini (2021) Nurul Hanis Mohd Nazri & Azean Idruwani Idrus (2023) Normaizura Md Zain (2018) Nor Azuwan Yaakob et al. (2018) Normaizurah Md Zain (2018) Waemasna Waeyusoh & Muhammad Hariri Ali Imran (2025) Husna Hidayah Mansor (2018)	7
Nasyid	Kuhanraj Gunaseelan dan Seach Jin Beng (2025)	1
Novel	Wan Sofiah Wan Ahmad & Zulkefli Aini (2018)	1

Berdasarkan Jadual 4, analisis ini mendapati bahawa kajian lepas berkaitan kajian retorik dakwah banyak berfokus kepada ceramah agama. Analisis ini mendapati ceramah agama yang terpilih kebanyakan dimuat turun daripada media sosial *Youtube*. Pengkaji yang terlibat dalam pengambilan sumber data ceramah agama ialah Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Aini (2021), Husna Hidayah Mansor et al. (2018), Nurul Hanis Mohd Nazri dan Azean Idruwani Idrus (2023), Normaizura Md Zain (2018), Nor Azuwan Yaakob et al. (2018), Normaizurah Md Zain (2018) dan Waemasna Waeyusoh dan Muhammad Hariri Ali Imran (2025). Dominasi ini menunjukkan bahawa sumber data daripada ceramah agama menjadi pilihan utama pengkaji dan masih relevan untuk dikaji serta diteliti dengan lebih mendalam oleh pengkaji masa hadapan.

Seterusnya, kajian oleh Wan Azura W.A dan Ahmad Fazullah M.Z.A (2021) dan Zulhazmi Majid et al. (2025) menumpukan kepada sumber data daripada al-Quran. Kemudian disusuli dengan kajian Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021), Nasihah Hashim et al. (2020), Kuhanraj Gunaseelan dan Seach Jin Beng (2025) dan Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2018) masing-masing mengetengahkan sumber data daripada hadis, khutbah, nasyid dan novel. Kepelbagaian sumber data yang dipilih dalam kajian lepas menunjukkan perkembangan yang positif melibatkan kajian retorik dakwah di Malaysia. Penemuan ini juga tidak membataskan kepada sumber data daripada al-Quran, hadis, khutbah, ceramah, nasyid dan novel sahaja, malah boleh dikembangkan kepada sumber data lain yang lebih meluas untuk kajian masa hadapan seperti *podcast*, debat, forum dan seumpamanya.

Dominasi pemerolehan sumber data daripada ceramah agama dalam kajian lepas telah membuktikan kerelevanan sumber data tersebut dalam bidang kajian retorik dakwah di Malaysia. Situasi ini selaras dengan kenyataan Nurul Nadiah Zamri dan

Zulkefli Aini (2021) bahawa ceramah agama merupakan salah satu medium utama bagi kegiatan dakwah di Malaysia. Walau bagaimanapun, dominasi berkenaan tidak semestinya menjadikan sumber data ceramah agama adalah pilihan yang terbaik untuk kajian masa kini dan seterusnya. Ia masih bergantung kepada kesesuaian dan keperluan kajian untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Justeru, analisis ini diharap dapat membuka jalan mudah kepada pengkaji seterusnya untuk memilih sumber data yang lebih tepat, sesuai dan relevan dengan kajian yang bakal dipersembahkan khususnya mengenai bidang retorik dakwah di Malaysia.

### 3.3 Jenis Teori yang digunakan dalam Kajian Retorik Dakwah di Malaysia

Analisis ini mendapati bahawa pengkaji lepas telah mengaplikasikan pelbagai teori bagi membincangkan mengenai retorik dakwah di Malaysia. Sesebuah penyelidikan amat penting untuk meningkatkan pemahaman terhadap fenomena yang dikaji bersandarkan kepada proses sistematik dalam mengenal pasti dan menganalisis maklumat berkaitan (Rusydiah Abd Salam dan Maslida Yusof, 2023). Selain itu, teori pula berperanan sebagai kayu ukur dalam sesebuah kajian untuk menjelaskan secara terperinci mengenai fenomena yang dikaji (Othman Lebar, 2021). Berdasarkan Jadual 4, terdapat empat kerangka teori yang telah dimanfaatkan oleh pengkaji lepas iaitu Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), *logos*, *ethos* dan *pathos* oleh Aristotle (1984), Retorik Dakwah, Retorik Persuasif oleh Hunt (1992) dan Retorik Quranik/Balaghah.

#### Jadual 5

*Teori retorik yang terlibat*

Teori	Pengkaji	Jumlah
Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)	Nurul Hanis Mohd Nazri & Azean Idruwani Idrus (2023) Normaizura Md Zain (2018) Nor Azuwan Yaakob et al. (2018) Normaizurah Md Zain (2018) Waemasna Waeyusoh & Muhammad Hariri Ali Imran (2025) Husna Hidayah Mansor (2018) Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021)	7
Retorik Dakwah	Wan Sofiah Wan Ahmad & Zulkefli Aini (2018) Nur Sakinah Sabari (2018)	2
Retorik Quranik	Wan Azura W.A & Ahmad Fazullah M.Z.A (2021)	1
Logos, ethos dan pathos oleh Aristotle (1984)	Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini (2021) & Zulhazmi Majid et al. (2025)	2
Retorik Persuasif oleh Hunt (1992)	Nasihah Hashim et al. (2020)	1

Hasil kajian menunjukkan kerangka Teori Retorik Moden adalah yang paling dominan digunakan oleh pengkaji lepas iaitu merangkumi 7 kajian. Teori yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) ini terbentuk menerusi penambahbaikan teori retorik klasik. Menurut Cleanth dan Robert (1979), Teori Retorik Moden dapat dikategorikan kepada lima teknik iaitu penghujahan (argument), pendedahan (exposition), penerangan (description), pemujukan (persuasion), dan penceritaan (narration). Kajian lepas telah dijalankan oleh Nurul Hanis Mohd Nazri dan Azean Idruwani Idrus (2023), Normaizura Md Zain (2018), Nor Azuwan Yaakob et al. (2018), Normaizurah Md Zain (2018), Waemasna Waeyusoh dan Muhammad Hariri Ali Imran (2025), Husna Hidayah Mansor (2018) dan Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021). Hanya kajian Nurhasma Muhamad Saad et al. (2021) yang menumpukan kepada teknik retorik penceritaan. Kesemua kajian tersebut menghuraikan keberkesanan penggunaan teori retorik moden dalam komunikasi antara pendakwah dengan khalayak. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa pendakwah yang mahir beretorik mampu merapatkan lagi hubungan dengan khalayak. Secara keseluruhannya, semua kajian tersebut tertumpu kepada strategi retorik menerusi kaedah pemujukan yang digunakan oleh pendakwah untuk mempengaruhi pemikiran, emosi, persepsi dan tindakan khalayak. Dominasi penggunaan teori tersebut secara tidak langsung memaparkan perkaitan yang kuat antara bidang dakwah dengan strategi retorik penghujahan, pendedahan, penerangan, pemujukan dan penceritaan.

Terdapat dua kajian yang menggunakan retorik dakwah iaitu kajian oleh Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2018) dan Nur Sakinah Sabari (2018) dan Wan Azura W.A dan Ahmad Fazullah M.Z.A (2021). Retorik Retorik pembujukan dakwah atau retorik dakwah diambil dari surah an-Nahl ayat 125. Surah berkenaan mengkategorikan retorik dakwah kepada tiga cabang utama iaitu *bi al-hikmah*, *maw'iizat al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Kajian oleh Wan Sofiah Wan Ahmad dan Zulkefli Aini (2018) hanya memfokuskan kepada pujukan kaedah lembut melalui *bi al-hikmah* manakala kajian Nur Sakinah Sabari (2018) memfokuskan kepada *maw'izah al-hasanah* iaitu pembujukan dakwah secara terang-terangan.

Seterusnya, analisis ini menunjukkan kajian Nurul Nadiah Zamri dan Zulkefli Aini (2021) dan Zulhazmi Majid et al. (2025) yang menerapkan strategi retorik Aristotle (1984) logos, ethos dan pathos. Menurut Aristotle (1984), logos, ethos dan pathos merupakan retorik klasik yang mengetengahkan kredibiliti (ethos), emosi (pathos) dan bukti atau hujah logik (logos) untuk mempengaruhi pemikiran dan tindakan audiens selaras dengan hasrat penutur. Dalam kajian Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini (2021), logos, ethos dan pathos bukan sahaja dilihat berperanan mempengaruhi khalayak, malah secara tidak langsung memaparkan disiplin dan kecekapan penutur menggunakan bahasa yang berkesan.

Selain itu, kajian oleh Wan Azura W.A dan Ahmad Fazullah M.Z.A (2021) pula menerapkan retorik Quranik atau balaghah. Dalam dunia Islam, retorik dikenali sebagai balaghah. Balaghah berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud sampai. Dari segi Istilah pula, balaghah merujuk kepada penyampaian makna yang indah dengan ungkapan yang fasih, betul dan mampu memberi kesan atau mempengaruhi jiwa pendengar pada situasi yang tepat. Balaghah mempunyai tiga cabang utama seperti *'Ilm*

*al-Ma'ani*, *'Ilm al-Badi'* dan *'Ilm al-Bayan*. Walau bagaimanapun, kajian Wan Azura W.A dan Ahmad Fazullah M.Z.A (2021) hanya tertumpu kepada *Al-Ma'ani*. Manakala kajian

Akhir sekali, analisis ini mendapati hanya kajian Nasihah Hashim et al. (2020) yang memanfaatkan Retorik Persuasif oleh Hunt (1992) sebagai kerangka teori kajian retorik dakwah di Malaysia. Persuasif merujuk kepada kaedah pemujukan yang bermatlamat untuk memastikan audiens sasaran (pembaca atau pendengar) menerima dan melakukan sesuatu perkara seperti yang dihasratkan oleh penutur atau penulis (Nasihah Hashim et al, 2020). Menurut Hunt (1992) retorik persuasif dapat dibahagikan kepada empat strategi iaitu keseimbangan, pengukuhan, seruan dan penyatuan. Dalam kajian Nasihah Hashim et al. (2020), strategi retorik persuasif seruan antara yang paling dominan digunakan untuk memberi nasihat, cadangan, doa dan penghargaan kepada jemaah supaya sentiasa peka terhadap situasi semasa serta bertindak selaras dengan maklumat tersebut.

Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dan Retorik Dakwah dilihat telah mendominasi kajian retorik dakwah di Malaysia pada masa kini, namun kajian retorik dakwah di Malaysia tidak hanya terbatas kepada penggunaan teori tersebut, mungkin ia wajar diteliti dari pelbagai aspek teori retorik yang lain misalnya prinsip retorik Aristotle (1984), , ilmu retorik Melayu oleh Za'ba (1965), kaedah retorik oleh Asmah Omar (2016), Teori Prinsip Kerjasama Grice (2001), retorik visual oleh Sonja K. Foss (2004), teori retorik oleh Kenneth Burke (1950), gaya retorik oleh Cobbett dan Connors (1999), jenis retorik Brooks dan Warren (1979) dan sebagainya.

### 3.4 Dapatan Utama Kajian Retorik Dakwah Di Malaysia

Dapatan utama dalam kajian retorik dakwah lepas secara keseluruhannya menunjukkan bahawa retorik amat memainkan peranan penting sebagai pemangkin untuk mempengaruhi khalayak atau pihak tertentu bagi mencapai hasrat tertentu. Walau bagaimanapun, kajian retorik dakwah dilihat sedikit berbeza dengan kajian retorik bidang politik dan pengiklanan yang lebih kepada meraih sokongan dan tujuan komersial. Keistimewaan yang ada pada retorik dakwah adalah keindahan bahasa yang digunakan bukan sekadar untuk mempengaruhi khalayak berkenaan apa yang diperkatakan, walhal juga untuk menyampaikan kebenaran agama dan bukannya untuk kepentingan individu atau organisasi. Walaupun kajian lepas terdiri daripada kepelbagaian data dan teori, hasil kajian tetap menunjukkan keselarian di mana pendakwah menerapkan strategi retorik untuk mempengaruhi emosi dan tindakan khalayak sasaran untuk membentuk moral, akhlak dan kesedaran kepada khalayak mengenai hakikat kehidupan yang selaras dengan syariat Islam. Situasi ini jelas menunjukkan perkaitan yang kuat antara bidang disiplin retorik dengan dakwah. Situasi ini menggambarkan kepentingan retorik dalam dunia dakwah untuk meningkatkan kesedaran, mengubah tingkah laku, memperbaiki hubungan keluarga dan membendung masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, kajian retorik dakwah diharap dapat dipertingkatkan lagi dengan kepelbagaian sumber data, teori dan seumpamanya untuk menghasilkan dapatan yang lebih tuntas bagi kemaslahatan masyarakat khususnya umat Islam.

## 4.0 Perbincangan Kajian

Perkembangan kajian retorik dakwah di Malaysia secara keseluruhannya memperlihatkan peningkatan minat pengkaji terhadap peranan bahasa dan strategi komunikasi dalam penyampaian dakwah. Walaupun jumlah kajian yang ditemui masih dalam lingkungan kecil, perkembangan tersebut menunjukkan bahawa disiplin retorik dakwah semakin mendapat perhatian khususnya dalam konteks komunikasi Islam kontemporari. Situasi ini turut memperlihatkan bahawa pengkaji tempatan mula menyedari kepentingan retorik sebagai medium pemujukan yang mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian dakwah kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, hasil sorotan mendapati bahawa penyelidikan retorik dakwah di Malaysia masih berada pada tahap yang bersifat deskriptif dan tekstual. Kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada analisis penggunaan bahasa, gaya penyampaian dan strategi pemujukan dalam teks dakwah tanpa menilai secara empirikal kesan retorik terhadap penerimaan khalayak. Dominasi pendekatan kualitatif menunjukkan bahawa bidang ini masih tertumpu kepada penghuraian fenomena komunikasi dakwah dan belum berkembang secara signifikan ke arah pengukuran keberkesanan retorik terhadap perubahan sikap, tingkah laku dan persepsi audiens. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa kajian retorik dakwah di Malaysia masih mempunyai keterbatasan dari segi dimensi metodologi dan pengukuran impak komunikasi. Sedangkan dalam era media digital, keberkesanan dakwah bukan sahaja bergantung kepada kandungan dan gaya bahasa, malah turut dipengaruhi oleh interaksi audiens, algoritma media sosial, budaya digital dan pembentukan identiti dalam ruang digital. Oleh itu, kajian masa hadapan perlu bergerak ke arah pendekatan yang lebih empirikal dan interdisiplin seperti analisis resepsi audiens, analisis media sosial, eksperimen komunikasi, etnografi digital dan pendekatan gabungan bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh dan triangulatif.

Selain itu, dominasi penggunaan sumber data daripada ceramah agama khususnya menerusi platform *Youtube* menunjukkan bahawa medium tersebut masih menjadi saluran utama dalam penyebaran dakwah di Malaysia. Situasi ini membuktikan bahawa media digital telah mengubah landskap komunikasi dakwah daripada komunikasi konvensional kepada komunikasi digital yang lebih terbuka dan interaktif. Walau bagaimanapun, kecenderungan pengkaji untuk terlalu tertumpu kepada ceramah agama turut memperlihatkan keterbatasan eksplorasi data dalam kajian retorik dakwah. Masih terdapat pelbagai sumber data lain yang kurang diterokai seperti kandungan *TikTok*, *podcast* dakwah, forum agama, debat keagamaan, komunikasi dakwah visual dan interaksi dakwah dalam media sosial. Sedangkan perkembangan media baharu telah menghasilkan bentuk komunikasi dakwah yang lebih bervariasi melalui gabungan teks, audio, visual, grafik dan simbol digital. Oleh itu, kajian retorik dakwah masa hadapan tidak seharusnya hanya tertumpu kepada analisis teks ceramah semata-mata, sebaliknya perlu meneroka bentuk komunikasi dakwah digital yang lebih kompleks dan dinamik.

Dari sudut teori pula, dominasi Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) menunjukkan bahawa pengkaji tempatan lebih cenderung menggunakan kerangka teori yang bersifat umum dan mudah diaplikasikan terhadap teks dakwah. Penggunaan teori tersebut sememangnya membantu pengkaji menghuraikan strategi retorik seperti penghujahan, penerangan, pendedahan, pemujukan dan penceritaan dalam komunikasi dakwah. Namun begitu, dominasi teori yang sama secara berulang turut memperlihatkan

bahawa perkembangan teori dalam bidang retorik dakwah di Malaysia masih kurang berkembang secara kritis dan inovatif. Situasi ini menyebabkan kajian retorik dakwah di Malaysia masih kurang meneroka teori retorik kontemporari yang lebih relevan dengan perkembangan komunikasi digital masa kini seperti retorik visual, teori identifikasi, teori penerimaan audiens dan pendekatan pragmatik komunikasi. Keterbatasan tersebut berpotensi menyebabkan kajian retorik dakwah menjadi terlalu tertumpu kepada analisis linguistik semata-mata tanpa meneliti dimensi psikologi, sosial dan budaya yang mempengaruhi keberkesanan komunikasi dakwah.

Selain itu, hasil sorotan juga menunjukkan bahawa keseluruhan kajian terdahulu mempunyai kecenderungan dapatan yang hampir sama iaitu retorik digunakan sebagai medium pemujukan bagi mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan khalayak ke arah amar makruf nahi mungkar. Walaupun dapatan tersebut memperlihatkan kesepakatan terhadap kepentingan retorik dalam dakwah, keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kajian retorik dakwah di Malaysia masih tertumpu kepada fungsi instrumental retorik sebagai alat pemujukan. Kajian lepas lebih banyak menghuraikan bagaimana retorik digunakan oleh pendakwah untuk menyampaikan mesej agama secara berkesan, namun masih kurang membincangkan peranan retorik dalam pembentukan identiti sosial, budaya komunikasi masyarakat Muslim dan proses rundingan makna dalam konteks masyarakat yang semakin kompleks dan pelbagai. Situasi ini berbeza dengan perkembangan kajian retorik dakwah di luar negara yang dilihat semakin berkembang ke arah dimensi yang lebih luas dan multidisiplin. Sebagai contoh, Malik et al. (2023), Mahabi (2023), Hamdani et al. (2022) dan Setiawan dan Abadi (2024) meneliti strategi retorik pendakwah dalam media sosial dan platform digital bagi memahami bagaimana unsur bahasa, identiti dan teknologi berinteraksi dalam mempengaruhi audiens. Kajian-kajian tersebut tidak hanya menumpukan kepada kandungan dakwah, malah turut meneliti hubungan antara retorik dengan budaya digital, penglibatan audiens serta pembentukan komuniti dalam talian. Penemuan ini menunjukkan bahawa penyelidikan retorik dakwah di peringkat antarabangsa telah bergerak melangkaui analisis tekstual semata-mata kepada penelitian yang lebih holistik terhadap ekosistem komunikasi dakwah.

Selain konteks dakwah Islam, kajian Christian (2025), Cilliers (2021), Grove (2019) dan Norheim dan Haga (2019) dalam bidang retorik keagamaan turut menunjukkan bahawa penyelidikan retorik agama kini memberi perhatian terhadap isu kepimpinan agama, identiti komuniti, komunikasi rentas budaya dan penerimaan khalayak. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa kajian retorik agama di peringkat antarabangsa semakin menggabungkan perspektif linguistik, komunikasi, sosiologi dan media dalam usaha memahami keberkesanan sesuatu mesej keagamaan. Sebaliknya, kajian retorik dakwah di Malaysia masih banyak tertumpu kepada analisis unsur bahasa dan strategi pemujukan dalam teks tertentu tanpa meneliti secara mendalam aspek penerimaan, interpretasi dan kesan retorik terhadap khalayak.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa terdapat jurang yang ketara antara perkembangan penyelidikan retorik dakwah di Malaysia dengan trend penyelidikan antarabangsa. Jika kajian tempatan terus tertumpu kepada analisis teks dan ceramah agama sahaja, bidang ini berisiko mengalami ketepuan dapatan kerana menghasilkan penemuan yang hampir serupa dari semasa ke semasa. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan perlu memberi perhatian terhadap pendekatan yang lebih inovatif seperti

analisis retorik digital, retorik visual, analisis komen dan interaksi audiens, kajian penerimaan khalayak serta penggunaan kecerdasan buatan dan media sosial dalam penyebaran dakwah. Pendekatan sedemikian bukan sahaja mampu memperkayakan khazanah ilmu retorik dakwah tempatan, malah berupaya meletakkan penyelidikan Malaysia seiring dengan perkembangan penyelidikan retorik agama di peringkat global.

Justeru, kajian ini berpandangan bahawa bidang retorik dakwah di Malaysia masih mempunyai ruang penyelidikan yang sangat luas untuk diterokai khususnya dari segi pendekatan metodologi, penerokaan teori kontemporari dan penggunaan sumber data digital yang lebih pelbagai. Kajian masa hadapan perlu bergerak melangkaui analisis tekstual semata-mata dengan memberi perhatian terhadap dimensi empirikal, dan penerimaan audiens agar penyelidikan retorik dakwah di Malaysia dapat berkembang secara lebih kritis, relevan dan seiring dengan perubahan landskap komunikasi global.

## 5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya menghimpunkan dan menganalisis secara sistematik 13 kajian berkaitan retorik dakwah di Malaysia dengan mengenal pasti pola utama dari segi metodologi, sumber data, teori dan dapatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa kajian retorik dakwah di Malaysia masih didominasi oleh pendekatan kualitatif, penggunaan sumber data ceramah agama serta kebergantungan kepada Teori Retorik Moden sebagai kerangka utama analisis. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendedahkan beberapa keterbatasan seperti kekurangan analisis empirikal, keterhadan kepelbagaian sumber data dan kurangnya penerokaan teori baharu.

Sehubungan itu, kajian masa hadapan disarankan untuk mengaplikasikan pendekatan kaedah campuran bagi membolehkan pengukuran keberkesanan retorik secara lebih sistematik, di samping meneroka sumber data yang lebih pelbagai seperti media sosial interaktif, *podcast* dan komunikasi digital yang pelbagai. Selain itu, pengintegrasian kerangka teori yang lebih luas dan interdisiplin juga penting untuk memperkaya perspektif analisis dalam bidang ini. Kajian masa hadapan juga wajar mempertimbangkan faktor kontekstual seperti budaya, latar sosial dan tahap penglibatan audiens bagi menghasilkan dapatan yang lebih holistik. Secara keseluruhannya, kajian ini diharap dapat menjadi asas rujukan yang lebih kukuh kepada pengkaji seterusnya serta menyumbang kepada perkembangan bidang retorik dakwah yang lebih kritikal, sistematik dan relevan dengan perkembangan komunikasi semasa.

## Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. (2020, Oktober 6). *Program Bimbingan Teknik Pengucapan Awam Secara Maya – I*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran. <https://youtu.be/4NcnL1wf4GE?si=Xqsy79W0vi7SKhJU>

- Abd Salam, R. & Yusof, M. (2023). Sorotan Literatur Bersistematik Kajian Binaan Kompleks Bahasa Melayu dari Sudut Sintaksis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 23(2), 94-118. <http://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-06>
- Aisha, H. (2023). Bahasa retorik sebagai strategi penyampaian khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 65–90. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no3)
- al-Jarim, Ali & Musthafa Usman. (1987). *Al-Balaghah al-Wadiah*. Dar al-Ma'arif.
- Amida Abdulhamid. (2015). *Retorik: Yang indah itu bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andy Makhrian Madya, Che Hasniza Che Noh, Nurul Hidayah Mat. (2024). Ustad Hilman Fauzi Da'wah Rhetoric On @Ahilmanfauzi Youtube Channel. *Library Progress International*, 44(3), 17735-17739.
- Aristotle. (1984). *The rhetoric and the poetics of Aristotle*. W. Rhys Roberts (Penterj.). Modern Library.
- Brooks, C., & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern (4th ed.)*. Harcourt Brace Jovanovinch, Publishers.
- Burke, K. (1950). *A Rhetoric of Motives*. Prentice Hall.
- Christian, Timothy J. (2025). Paul and Rhetoric Revisited: Reexamining Litfin's Assumptions on Pauline Preaching in 1 Corinthians. *Religions* 16(3), 363. <https://doi.org/10.3390/rel16030363>
- Cilliers, J. (2021). Crossing boundaries and facing others: South African perspectives on the transgressive rhetoric of preaching. *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*, 77(1), a6659. <https://doi.org/10.4102/hts.v77i1.6659>
- Cleanth, B. & Robert, P.W. (1979). *Modern rhetoric (Fourth Edition)*. Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *A survey of rhetoric: Classical rhetoric for the modern student (4th ed.)*. Oxford University Press.
- Dhia, R. N., Pramesthi, J. A., & Irwansyah, I. (2021). Analisis retorika Aristoteles pada kajian ilmiah media sosial dalam mempersuasi publik. *Linimasa: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(1), 81-103. <https://doi.org/10.23969/linimasa.v4i1.3530>
- Edwards, A. (2013). The difference between a poet and a prophet: Dialectical rhetoric and the role of the Spirit in preaching, with reference to Karl Barth and D. Martyn Lloyd-Jones. *Theology*, 116(4), 266–278. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1177/0040571X13482854>
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. SAGE Publications.
- Foss, S. K. (2004). *Rhetorical criticism: Exploration and practice*. Long Grove, Ill: Waveland Press.
- Glass, G. V. (1976). Primary, secondary, and meta-analysis of research. *Educational researcher*, 5(10), 3-8. <https://doi.org/10.2307/1174772>
- Grove, K. (2019). Rhetoric and reality: Augustine and Pope Francis on preaching Christ and the poor. *Theological Studies*, 80(3), 530–553. <https://doi-org.eserv.uum.edu.my/10.1177/0040563919856366>
- Hashim, N., Ahmad, A. A., Yahya, M. A., & Johari, A. (2020). Retorik persuasif dalam teks khutbah era pandemik covid-19. *E-Prosiding Naradata*. 67-73.
- Hamdani, S., Japeri, J., Yazan, S., & Fauzi, M. (2022). A Rhetorical Analysis of Ustadz Felix Siaw's Da'wa on Youtube. *International Journal of Islamic Studies Higher Education*, 1(2), 93–104. <https://doi.org/10.24036/insight.v1i2.122>
- Hunt, G. T. (1992). *Perucapan umum*. Asiah Sarji dan Mohd Nordin (Penterj.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail, S., & Osmani, A. S. (2024). Analisis strategi dakwah kontemporer di Malaysia. *Al-Qanatir: Internasional Journal of Islamic Studies*, 33(7), 55-67. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/1024>
- Mahabi, B. (2023). Habib Husein Ja'far Alhadar's da'wah rhetoric style on Youtube. *Qaulan: Journal of Islamic Communication*, 4(2), 177-187.
- Malik, R. A. K., Thibburruhani, T., Anshori, M., Hasibuan, Z. S., Ilaihi, W., & Ali, M. (2023). Da'wah Rhetoric by Ustadz Abdul Somad and Ustadz Adi Hidayat in Conveying Da'wah Messages. *Analisa: Journal of Social Science and Religion*, 8(2), 220–236. <https://doi.org/10.18784/analisa.v8i2.2071>
- Mansor, H. H. (2018). *Retorik dalam ceramah agama Kazim Elias*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Mansor, H. H., Yaakob, N. A., & Zainon Hamzah, Z. Z. (2018). Retorik pemerian dalam ceramah agama. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 29–38. <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-03>
- Muhamad Saad, N., Mohamed, Y., Mohammad, W. M., Ismail, M. M., & Md Isa, Z. (2021). Teknik retorik penceritaan hadis naratif Sahih Al-Bukhari berdasarkan perawi terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 199-216.
- Md Zain, N. (2018). *Jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Md Zain, N. (2018). Rhetorical styles in the religious speech on YouTube. *BERJAYA Journal of Services & Management*, 9(1), 20–30.
- Mohd Nazri, N. H., & Idrus, A. I. (2023). Variasi Bahasa dan Retorik dalam Ceramah Ustaz Wadi Annuar. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(2), 144–154.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D.G. & The PRISMA Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *Open Medicine*, 3(2), 123-130. <http://dx.doi.org/10.1016/j.iclinepi.2009.06.005>
- Norheim, B., & Haga, J. (2019). The four speeches every youth leader has to know: The preaching of Jesus as model for a public rhetoric for youth ministry. *Journal of youth and theology*, 18(2), 164–184. <https://doi.org/10.1163/24055093-01802004>
- Omar, A. (2016). *Bahasa Iklan Perniagaan Satu Kajian Bahasa Retorik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2021). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Edisi kedua. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., McGuinness, L. A., Stewart, L. A., Thomas, J., Tricco, A. C., Welch, V. A., Whiting, P., & Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*, 372\*, n71. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Sabari, N. S. (2018). *Retorik pembujukan dakwah dalam lagu nasyid: Kajian terhadap lagu Opick dan Hafiz Hamidun*. (Master Tesis). Universiti Malaya.
- Samri, D. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Modern dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76. [http://doi.org.10.37052/jb22\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/jb22(1)no3)

- Setiawan, R. F., & Abadi, T. W. (2024). Strategi Retorika dan Persuasi Keagamaan dalam Khotbah YouTube di Indonesia. *Indonesian Culture and Religion Issues*, 1(2), 12. Retrieved from <https://diksima.pubmedia.id/index.php/diksima/article/view/23>
- Siren, N. R. (2000). Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 1(1), 197–205. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/5419>
- Waeyusoh, W., & Ali Imran, M. H. (2025). Gaya bahasa dalam ceramah Tuan Guru Ismail: Satu pendekatan retorik. *Prosiding Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS)*. 532-536.
- Wan Ahmad, W. S., & Aini, Z. (2018). Retorik dakwah Al-Hikmah menerusi kaedah lembut dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(1), 1–13. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/180>
- Wan Azura W.A., & Ahmad Fazullah M.Z.A. (2021). Pendekatan Retorik Quranik dalam pembentukan adab dan kesopanan komunikasi berasaskan komuniti; Satu tinjauan menerusi surah An-nisa. *Sains Insani*, 6(2). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no2.296>
- Webster, J., & Watson, R. T. (2002). Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review. *MIS quarterly*, xiii-xxiii.
- Yaakob, N. A., Zainon Hamzah, Z. A., Md Zain, N., & Syed Abdullah, S. N. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 54–67
- Zamri, N. N., & Aini, Z. (2021). Retorik dalam Dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat: Rhetoric in Preaching Da'wah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 149–158. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63>
- Zamzuardi, Y., & Ermanto, E. (2019, March). The Rhetoric of Persuasion of Ustadz Abdul Somad: Discourse Analysis in the Media Youtube. *In Seventh International Conference on Languages and Arts (ICLA 2018)*. 552-558.